



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak melancarkan projek mentransformasi Sungai Klang dan Sungai Gombak untuk menjadi ikon 'waterfront' sambil disaksikan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Idris Jala, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Unggah Embas dan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk M Saravanan dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail pada Majlis Pecah Tanah Projek Greater KL /Klang Valley 'River of Life' di Kuala Lumpur pada Julai tahun lalu.

Aset semula jadi daya tarikan Greater KL

BANDAR raya di serata pelosok dunia sering ditunjangi dengan tempat ikonik yang wujud di bandar raya itu. Tempat ini lazimnya meningkatkan lagi daya boleh huni bandar dan menjadi tempat tumpuan utama bagi aktiviti kerja dan riadah penghuni bandar pada siang hari.

Selain itu, dengan kunjungan penduduk tempatan dan juga pelawat ke tempat ini, sudah pasti ia akan merangsang aktiviti ekonomi.

Justeru, kerajaan menggariskan Pelan Hala Tuju Program Transformasi Ekonomi (ETP) merangkumi 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) antaranya Greater Kuala Lumpur.

Aspirasi ekonomi bagi Greater Kuala Lumpur adalah untuk meningkatkan sumbangannya kepada Keluaran Negara Kasar (KNK) sebanyak 2.5 kali, iaitu daripada RM258 bilion kepada kira-kira RM650 bilion setahun.

Langkah ini boleh menaikkan bahaagiannya kepada KNK, daripada kira-kira 30 peratus kepada 40 peratus, lantas menajana kadar pertumbuhan dinamik sebanyak 11 peratus setahun.

Sebanyak sembilan projek permulaan (EPP), dengan berlandaskan empat dimensi, dikenal pasti untuk merealisasikan aspirasi Greater Kuala Lumpur. EPP jika digabungkan semuanya, berpotensi untuk menambah sumbangan sebanyak RM193 bilion kepada KNK.

Pusat bandar raya Kuala Lumpur di anugerah dua sungai dan tepian air indah, yang akan dieksploitasi sebagai pusat perniagaan dan komersial. Meskipun banyak yang perlu dilakukan untuk memulihara sungai dan membangunkan semula kawasan sekitarnya, sungai berkenaan mempunyai potensi amat besar untuk mempertingkatkan daya boleh huni dan daya tarikan Greater Kuala Lumpur.

Dalam EPP 5: Memulihara Sungai Klang untuk dijadikan pusat warisan dan komersial bagi Greater Kuala Lumpur, kerajaan berpendapat tepian Sungai Klang adalah aset semula jadi yang tidak digunakan dengan sebaik-baiknya.

Sungai Klang mempunyai segala ramuan untuk menjadi tepian air yang segar dan hidup. Kepentingan unsur se-

jarah, pusat budaya dan lokasi dalam lingkungan pusat bandar mempunyai potensi ekonomi dan daya boleh huni yang begitu besar sekali untuk direalisasikan.

Sebilangan besar bandar raya berdaya huni yang menduduki tempat teratas mempunyai tepian air atau sungai yang dimanfaatkan untuk tarikan ekonomi dan daya boleh huni. Contohnya, Vancouver, Melbourne, Auckland, Geneva dan Seoul.

Bagi mentransformasi Sungai Klang, pemuliharaan sungai membabitkan pembangunan semula beberapa lokasi di sepanjang 10 kilometer sungai, di samping program pembersihan sungai dilaksanakan dengan intensif.

Sebanyak 10 nod aktiviti ekonomi sepanjang Sungai Klang dan Sungai Gombak dikenal pasti untuk dijalankan projek pengindahan tebing sungai iaitu:

1. Kuarters Kerajaan Brickfields (pembangunan tepian sungai menyeluruh).
2. Masjid India (barangan runcit kebudayaan).
3. Hentian Bas Klang dan Pasar Budaya (acara global dan barangan runcit kebudayaan).
4. Dataran Merdeka - Dayabumi (pengindahan dan pemuliharaan sungai).
5. Masjid Jamek - Jalan Melayu (pengindahan dan pemuliharaan sungai).
6. Kampung Hujung Pasir - Jalan Ampang (pembangunan tepian sungai menyeluruh).

INFO

Inisiatif pembersihan utama

- Menaik taraf sistem pembetulan sedia ada untuk mengurangkan bahan pencemaran daripada memasuki sistem sungai;
- Menkuatkuasakan dasar setinggan sifar menerusi kerjasama DBKL dan pihak berkuasa tempatan (PBT) lain;
- Menaik taraf sistem pengairan untuk mengelakkan banjir; dan
- Menkuatkuasakan panduan sisa air buangan ke atas penduduk, kilang dan ruang perniagaan komersial di sepanjang sungai.

7. Kampung Baru (pembangunan bandar menyeluruh)

8. Dewan Bandaraya (taman sungai dan pencergasan semula sungai)

9. Tiong Nam (pembangunan bandar menyeluruh)

10. Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) (taman sungai dan pencergasan semula sungai)

Bagi setiap nod ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan melaksanakan pelan pembangunan terperinci dengan penumpuan kepada pembangunan bercampur. Pada masa sama, Jabatan Perkhidmatan Pembetulan (JPP), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan DBKL terbabit dalam kerja pembersihan sungai.

Aspirasinya adalah untuk menambah baik kualiti air daripada Kelas III (yang didefinisikan sebagai tidak selamat untuk sentuhan badan) kepada Kelas IIB (yang didefinisikan sebagai lebih selamat untuk kegunaan rekreasi dengan sentuhan badan).

Inisiatif pembersihan utama termasuk menaik taraf sistem pembetulan sedia ada untuk mengurangkan bahan pencemaran daripada memasuki sistem sungai, menkuatkuasakan dasar setinggan sifar menerusi kerjasama DBKL dan pihak berkuasa tempatan (PBT) lain, menaik taraf sistem pengairan untuk mengelakkan banjir dan menkuatkuasakan panduan sisa air buangan ke atas penduduk, kilang dan ruang perniagaan komersial di sepanjang sungai.

Semua inisiatif ini akan dilaksanakan bersama-sama dengan Kerajaan Selangor, mengambil kira aktiviti huluan adalah penting untuk memastikan kualiti air hiliran di Kuala Lumpur.

Potensi impak Keluaran Dalam Negara Kasar (KNK) hasil daripada pemuliharaan dan pembangunan semula nod dikenal pasti di sepanjang Sungai Klang dianggarkan berjumlah hampir RM4.3 bilion setahun pada 2020. Peluang pekerjaan pula dianggarkan sebanyak 17,000 menjelang 2020.

Impak ini dipacu oleh kegiatan ekonomi yang meningkat di sepanjang tepian sungai, potensi pelancongan yang meningkat dan hartanah yang bertambah nilai.